

## **Pandangan Masyarakat Sarawak Terhadap Perjanjian Malaysia 1963 (MA63)** (*Sarawak Community Perspectives on the Malaysia Agreement 1963 (MA63)*)

Nadiah Safirah Suznan<sup>1</sup>, Novel Lyndon<sup>1</sup>, Nur Hafizah Yusoff<sup>1</sup>, Zaini Othman<sup>2</sup> dan Nor Shazeelyna Abas<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

<sup>2</sup>Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

\*Pengarang Koresponden: [nadiasafira434@gmail.com](mailto:nadiasafira434@gmail.com)

Diserah: 14 November 2025 / Diterima: 29 April 2026

**Abstrak.** Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) merupakan asas pembentukan Persekutuan Malaysia yang melibatkan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Namun demikian, selepas lebih enam dekad pelaksanaannya, masih wujud pelbagai isu berkaitan autonomi negeri, pengagihan kuasa dan pembangunan yang menimbulkan ketidakpuasan hati dalam kalangan masyarakat Sarawak. Kajian ini bertujuan untuk meneliti pandangan, tahap kesedaran dan kefahaman masyarakat Sarawak terhadap pelaksanaan MA63. Kajian ini menggunakan pendekatan sosiologi politik dengan kaedah kualitatif melalui temu bual mendalam terhadap 25 orang informan yang dipilih secara persampelan bertujuan dan *snowball*. Data dianalisis menggunakan analisis tematik dengan bantuan perisian ATLAS.ti. Hasil kajian menunjukkan bahawa wujud jurang yang ketara antara harapan masyarakat dan realiti pelaksanaan MA63 khususnya berkaitan hak autonomi, pengagihan sumber asli dan pembangunan wilayah. Faktor pendidikan, sosioekonomi dan akses kepada maklumat mempengaruhi tahap kefahaman masyarakat terhadap MA63. Masyarakat bandar didapati lebih kritikal dan mempunyai kesedaran politik yang lebih tinggi berbanding masyarakat luar bandar dan etnik minoriti. Kajian ini memberi implikasi bahawa pendidikan sivik, penyebaran maklumat dan komunikasi institusi yang lebih berkesan perlu diperkukuh bagi meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap MA63 serta mengurangkan ketegangan politik dan sosial di Sarawak.

**Kata kunci** Perjanjian Malaysia 1963; Sarawak; autonomi; sosiologi politik; Malaysia

**Abstract.** *The Malaysia Agreement 1963 (MA63) serves as the foundation for the formation of Malaysia involving Malaya, Sabah, and Sarawak. However, after more than six decades of its implementation, various issues related to state autonomy, power distribution, and regional development continue to generate dissatisfaction among the people of Sarawak. This study aims to examine the perspectives, awareness, and understanding of the Sarawak community towards the implementation of MA63. The study employs a political sociology approach using qualitative methods through in-depth interviews with 25 informants selected via purposive and snowball sampling techniques. The data were analysed using thematic analysis with the assistance of ATLAS.ti software. The findings reveal a significant gap between public expectations and the actual implementation of MA63, particularly regarding state autonomy, natural resource distribution, and regional development. Educational background, socioeconomic factors, and access to information were found to influence the level of public understanding of MA63. Urban communities were more critical and politically aware compared to rural communities and minority ethnic groups. This study implies that civic education, information dissemination, and institutional communication should be strengthened to enhance public understanding of MA63 and reduce political and social tensions in Sarawak.*

**Keywords** Malaysia Agreement 1963; Sarawak; autonomy; political sociology; Malaysia

## Pengenalan

Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) merupakan asas perundangan dan politik kepada pembentukan Persekutuan Malaysia yang melibatkan Semenanjung Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Bagi Sarawak, MA63 tidak hanya berfungsi sebagai dokumen perundangan tetapi turut membentuk suatu kontrak sosial yang menjamin hak autonomi negeri dalam aspek pentadbiran, ekonomi, pendidikan dan politik. Kedudukan istimewa ini mencerminkan prinsip federalisme yang bertujuan mengiktiraf keunikan sejarah, demografi dan struktur sosial negeri-negeri Borneo dalam kerangka Persekutuan Malaysia (Tang Abdullah & Haji Mulia, 2018; Chin, 2019).

Namun demikian, selepas lebih enam dekad pembentukan Malaysia, pelaksanaan MA63 kekal sebagai isu yang diperdebatkan secara meluas dalam kalangan masyarakat Sarawak. Antara isu utama yang sering diketengahkan ialah ketidakseimbangan pengagihan hasil sumber asli, pemusatan kuasa pentadbiran serta jurang pembangunan antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri. Kajian mutakhir menunjukkan bahawa ketidakselarasan antara peruntukan perlembagaan dan realiti pelaksanaan telah menyumbang kepada perspektif ketidakadilan dan rasa marginalisasi dalam kalangan masyarakat Sarawak (Chin, 2019; Puyok, 2024). Perkembangan ini memperlihatkan bahawa MA63 bukan sekadar persoalan sejarah atau perundangan, tetapi berkait rapat dengan pengalaman politik dan sosial semasa.

Selain faktor institusi, tahap kesedaran masyarakat terhadap MA63 turut dipengaruhi oleh dimensi sosioekonomi, pendidikan dan struktur komunikasi. Jurang maklumat antara kawasan bandar dan luar bandar, khususnya di kawasan pedalaman telah menghasilkan variasi kefahaman yang ketara mengenai hak autonomi negeri. Seperti yang dihuraikan dalam teori *knowledge gap*, perbezaan akses kepada pendidikan dan maklumat menyebabkan kumpulan sosial tertentu lebih berupaya memahami dan menilai isu-isu politik berbanding kumpulan lain (Tichenor, Donohue, & Olien, 1970). Dalam konteks Sarawak, jurang ini sering diperkuat oleh liputan media dan wacana politik yang tidak seragam sekali gus membentuk tafsiran yang berbeza terhadap MA63 dalam kalangan masyarakat.

Walaupun kajian berkaitan MA63 telah banyak dibincangkan dalam kerangka sejarah, perundangan dan politik elit, penyelidikan empirikal yang meneliti pandangan masyarakat awam Sarawak secara langsung masih terhad. Kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan kepada isu autonomi, hubungan kerajaan persekutuan–negeri dan tafsiran perlembagaan, manakala dimensi pengalaman sosial masyarakat terhadap pelaksanaan MA63 kurang diberi perhatian (Chin, 2019; Puyok, 2024; Tang Abdullah & Haji Mulia, 2018). Selain itu, perbezaan tahap pendidikan, akses maklumat dan jurang pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar turut mempengaruhi kefahaman masyarakat terhadap MA63. Oleh itu, kajian ini penting bagi memahami bagaimana masyarakat Sarawak menilai pelaksanaan MA63 berdasarkan pengalaman sosial, politik dan pembangunan semasa, sekali gus mengisi jurang kajian sedia ada yang lebih banyak memfokuskan kepada dimensi institusi dan elit politik.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti secara mendalam pandangan masyarakat Sarawak terhadap Perjanjian Malaysia 1963 melalui pendekatan sosiologi politik. Dengan menumpukan kepada suara masyarakat awam merentas latar etnik, geografi dan sosioekonomi, kajian ini memperluaskan wacana MA63 daripada analisis perundangan kepada dimensi pengalaman sosial dan legitimasi politik dari bawah. Sumbangan utama kajian ini terletak pada usaha melengkapkan perbincangan sedia ada dengan bukti empirikal tentang bagaimana pelaksanaan MA63 dinilai oleh masyarakat serta bagaimana isu autonomi, keadilan pengagihan dan identiti politik wilayah saling berinteraksi dalam konteks federalisme Malaysia. Berbeza dengan kebanyakan kajian terdahulu yang menumpukan kepada dimensi perundangan dan elit politik, kajian ini meneliti MA63 daripada perspektif pengalaman sosial masyarakat awam Sarawak merentas latar etnik, geografi dan sosioekonomi.

Oleh yang demikian, kajian ini diharapkan dapat menawarkan pemahaman yang lebih holistik tentang implikasi pelaksanaan MA63 terhadap hubungan kerajaan persekutuan–negeri, pembentukan kesedaran politik dan integrasi sosial di Sarawak serta pengukuhan sosiologi politik Malaysia Timur dan perumusan dasar yang lebih responsif serta inklusif.

## Metodologi

### *Reka Bentuk Kajian*

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk memahami secara mendalam bagaimana masyarakat Sarawak menafsirkan, menilai dan memberi makna terhadap Perjanjian Malaysia 1963 (MA63). Pendekatan kualitatif dipilih kerana ia membolehkan penyelidik meneroka pengalaman, pandangan dan Analisis sosial informan dalam konteks sebenar kehidupan mereka, khususnya bagi isu MA63 yang bersifat kompleks, berlapis dan berkait rapat dengan sejarah, struktur politik serta pengalaman sosioekonomi masyarakat setempat. Pendekatan ini selari dengan pandangan Creswell dan Poth (2018) yang menegaskan bahawa kajian kualitatif sesuai digunakan apabila objektif kajian adalah untuk memahami makna subjektif dan perspektif pelaku sosial terhadap fenomena tertentu.

Kajian ini berbentuk kajian kualitatif eksploratori yang bertujuan menggali pemahaman mendalam (*deep understanding*) mengenai pandangan masyarakat Sarawak terhadap pelaksanaan MA63. Reka bentuk eksploratori dipilih kerana kajian empirikal yang meneliti perspektif masyarakat awam Sarawak secara langsung masih terhad dan fenomena yang dikaji memerlukan Analisis sosial yang lebih terbuka serta fleksibel. Menurut Denzin dan Lincoln (2018), pendekatan eksploratori sesuai digunakan apabila penyelidik ingin meneroka isu yang belum difahami sepenuhnya dan memerlukan pembinaan makna berdasarkan pengalaman informan.

### *Pemilihan Informan dan Strategi Persampelan*

Pemilihan informan kajian dilakukan menggunakan persampelan bertujuan (*purposive sampling*) dan persampelan snowball. Persampelan bertujuan merujuk kepada proses pemilihan informan secara sengaja berdasarkan kriteria tertentu yang relevan dengan objektif kajian iaitu individu yang berupaya memberikan maklumat bermakna berkaitan isu MA63. Dalam kajian ini, kriteria pemilihan informan termasuk berumur 18 tahun ke atas, merupakan anak jati Sarawak serta mempunyai pengalaman hidup dan pendedahan terhadap isu sosial, politik atau pembangunan di negeri tersebut. Menurut Patton (2015), persampelan bertujuan membolehkan penyelidik memfokuskan kepada kes-kes yang kaya dengan maklumat (*information-rich cases*) bagi mencapai kefahaman yang mendalam.

Selain itu, persampelan snowball digunakan sebagai strategi tambahan bagi mengenal pasti informan yang sukar dicapai melalui kaedah konvensional terutamanya individu di kawasan luar bandar atau komuniti tertentu yang mempunyai pandangan kritikal terhadap MA63. Kaedah ini melibatkan rujukan daripada informan awal kepada informan lain yang memenuhi kriteria kajian dan sesuai digunakan dalam kajian kualitatif yang melibatkan isu sensitif atau komuniti khusus (Noy, 2008). Penggunaan gabungan kedua-dua teknik ini membolehkan kajian mencapai variasi latar belakang informan dari segi etnik, lokasi geografi dan pengalaman sosial.

Seramai 25 orang informan telah dipilih merangkumi penduduk bandar dan luar bandar serta mewakili kumpulan etnik utama di Sarawak seperti Iban, Bidayuh, Melayu-Melanau, Orang Ulu dan Cina. Saiz sampel ini dianggap mencukupi dalam kajian kualitatif kerana objektif utama kajian bukanlah untuk membuat generalisasi statistik tetapi untuk mencapai ketepuan data (*data saturation*) iaitu keadaan apabila tiada tema baharu yang signifikan muncul daripada data temu bual (Guest, Namey, & Saldaña, 2012). Dalam konteks kajian ini, ketepuan data dicapai apabila corak pandangan dan pengalaman informan menunjukkan pengulangan tema yang konsisten.

### *Kaedah Pengumpulan Data*

Kaedah temu bual mendalam separa berstruktur digunakan sebagai kaedah utama pengumpulan data. Kaedah ini dipilih kerana ia memberi ruang kepada informan untuk menghuraikan pandangan, pengalaman dan tafsiran mereka terhadap MA63 secara terperinci sambil membolehkan penyelidik menyesuaikan soalan berdasarkan respons informan. Temu bual mendalam amat sesuai untuk kajian yang bertujuan memahami makna subjektif dan pengalaman sosial individu (Creswell & Poth, 2018). Temu bual dijalankan secara bersemuka dan dalam beberapa kes secara dalam talian, bergantung kepada kesesuaian lokasi dan kesediaan

informan. Semua temu bual dirakam dengan keizinan informan dan ditranskripsikan sepenuhnya bagi tujuan analisis.

#### *Analisis Data dan Kebolehpercayaan Kajian*

Data temu bual dianalisis menggunakan Analisis Tematik (*Thematic Analysis*) iaitu satu pendekatan analisis kualitatif yang sistematik untuk mengenal pasti, menganalisis dan mentafsir corak makna atau tema dalam data. Analisis tematik dipilih kerana fleksibilitinya serta kesesuaiannya untuk kajian yang meneliti perspektif dan pengalaman sosial (Braun & Clarke, 2021). Proses analisis melibatkan beberapa peringkat termasuk pembacaan berulang transkrip, pengekodan awal, pengelompokan kod kepada tema dan penafsiran tema secara analitik. Bagi memastikan kebolehpercayaan dan keteguhan dapatan kajian, kaedah semakan rakan (*peer debriefing*) digunakan sebagai strategi utama. Semakan rakan dilaksanakan melalui perbincangan berterusan dengan penyelia dan rakan penyelidik yang berpengalaman dalam penyelidikan kualitatif. Perbincangan ini memberi tumpuan kepada proses pengekodan, pembangunan tema dan tafsiran data bagi mencabar andaian penyelidik, mengurangkan bias interpretatif serta memperkukuh justifikasi analitik terhadap tema yang dikenal pasti. Pendekatan ini selari dengan cadangan kajian kualitatif kontemporari yang menekankan semakan rakan sebagai mekanisme penting untuk meningkatkan *credibility* dan ketelusan Analisis data (Nowell et al., 2017; Tracy, 2020).

### Hasil Kajian

Analisis data dijalankan menggunakan ATLAS.ti yang membolehkan pengenalpastian tema utama dan hubungan antara pengalaman sosial masyarakat dan tuntutan politik mereka.

*Jadual 1. Demografi Informan Temu Bual Mendalam*

<b>Informan</b>	<b>Jantina</b>	<b>Umur</b>	<b>Etnik</b>	<b>Pendidikan</b>	<b>Kategori</b>
INF01	Lelaki	45	Iban	Sarjana Muda	Pemimpin Masyarakat
INF02	Perempuan	38	Melayu Sarawak	Sarjana	Penjawat Awam
INF03	Lelaki	52	Bidayuh	SPM	Komuniti Kampung
INF04	Lelaki	29	Orang Ulu	Diploma	NGO Belia
INF05	Perempuan	41	Melanau	SPM	Peniaga Kecil
INF06	Lelaki	33	Cina	Sarjana Muda	Pekerja Swasta
INF07	Lelaki	60	Melanau	SPM	Pemimpin Adat
INF08	Perempuan	28	Cina	Sarjana Muda	NGO Wanita
INF09	Lelaki	42	Iban	SPM	Aktivis Komuniti
INF10	Lelaki	55	Penan	Tiada Formal	Komuniti Adat
INF11	Perempuan	33	Bidayuh	Sarjana	Guru
INF12	Lelaki	25	Orang Ulu/Kenyah	Diploma	Belia Profesional
INF13	Lelaki	47	Bidayuh	Diploma	Pegawai NGO
INF14	Lelaki	35	Melayu Sarawak	Sarjana Muda	Pembangunan Komuniti
INF15	Perempuan	44	Iban	Sarjana Muda	NGO Pedalaman
INF16	Lelaki	30	Cina	Sarjana Muda	Jurutera
INF17	Lelaki	40	Kedayan	SPM	Ketua Kampung
INF18	Perempuan	39	Melayu Sarawak	Sarjana	Pegawai Kerajaan
INF19	Lelaki	29	Iban	Diploma	Belia Komuniti
INF20	Perempuan	54	Kayan	SPM	Aktivis Adat
INF21	Lelaki	50	Iban	SPM	Ketua Rukun Tetangga
INF22	Perempuan	36	Melanau	Diploma	Penjawat Awam

INF23	Lelaki	31	Lun Bawang	Sarjana Muda	Pegawai Gereja
INF24	Perempuan	27	Melayu Sarawak	Sarjana	Pegawai Perpaduan
INF25	Lelaki	48	Cina	Sarjana	Profesional Swasta

*Nota: Semua nama informan telah dianonimkan menggunakan kod informan bagi menjaga kerahsiaan dan etika penyelidikan.*

Jadual 1 menunjukkan kepelbagaian latar demografi 25 informan yang ditemu bual merangkumi variasi umur, jantina, etnik, tahap pendidikan dan kategori sosial. Kepelbagaian ini membolehkan kajian mengambil pelbagai pandangan masyarakat Sarawak terhadap MA63 secara lebih holistik. Dari segi etnik, informan mewakili kumpulan utama di Sarawak seperti Iban, Bidayuh, Melayu Sarawak, Melanau, Orang Ulu (Kenyah, Kayan, Penan), Lun Bawang dan Cina memberikan gambaran seimbang merentas komuniti majoriti dan minoriti.

Latar pendidikan informan juga berbeza bermula daripada tiada pendidikan formal hingga ke tahap sarjana. Kepelbagaian ini penting kerana ia mencerminkan jurang literasi politik yang turut muncul dalam dapatan kajian di mana informan berpendidikan tinggi lebih memahami isu autonomi dan pelaksanaan MA63 berbanding komuniti pedalaman yang berpendidikan rendah. Dari aspek kategori sosial pula, informan terdiri daripada pemimpin masyarakat, penjawat awam, ahli NGO, pekerja swasta, profesional serta komuniti adat dapat mewakili sudut pandang pelbagai lapisan masyarakat yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dengan isu autonomi negeri.

Kepelbagaian demografi informan bukan sahaja memperluas spektrum pandangan yang diterokai tetapi juga memastikan Analisis terhadap MA63 mengambil kira perbezaan pengalaman sosial dan geografi yang membentuk pandangan masyarakat Sarawak secara lebih holistik.

*Jadual 2. Jadual Kod dan Subkod melalui ATLAS.ti*

<b>Tema Utama</b>	<b>Kod/Subkod</b>	<b>Penerangan</b>
<b>Perspektif Ketidakadilan</b>	1.1 Ketidakadilan Sumber Asli	Perspektif bahawa hasil minyak dan gas tidak diagih secara adil.
	1.2 Ketidakseimbangan Kuasa	Rasa dominasi kerajaan pusat ke atas negeri.
	1.3 Pembangunan Tidak Setara	Jurang pembangunan bandar-pedalaman.
<b>Jurang Maklumat</b>	2.1 Kurang Akses Maklumat	Kekurangan maklumat politik MA63 di pedalaman.
	2.2 Pendedahan Media Rendah	Akses internet/radio/TV terhad.
	2.3 Pendidikan Rendah	Pendidikan formal mempengaruhi tahap kesedaran.
<b>Cabaran Tadbir Urus</b>	3.1 Kelewatan Penyerahan Kuasa	Kuasa autonomi lambat dilaksanakan.
	3.2 Birokrasi Pusat	Dominasi kerajaan pusat menghalang autonomi.
	3.3 Ketidakjelasan Dasar	Dasar MA63 kurang diterangkan kepada rakyat.
<b>Aspirasi Autonomi</b>	4.1 Keinginan Penguatkuasaan MA63	Rakyat mahu autonomi lebih jelas dan tegas.
	4.2 Identiti Sarawak	MA63 dilihat sebagai hak kenegaraan.
	4.3 Harapan Pembangunan Adil	Autonomi dianggap jalan kepada pembangunan seimbang.

*Nota: Kod dan subkod dibangunkan melalui proses analisis tematik menggunakan perisian ATLAS.ti berdasarkan transkrip temu bual mendalam.*

Jadual 2 memperincikan empat tema utama yang muncul melalui proses analisis tematik menggunakan perisian ATLAS.ti. Setiap tema terdiri daripada beberapa subkod yang mencerminkan pola makna berdasarkan pengalaman, perspektif dan naratif informan berkenaan pelaksanaan MA63. Tema-tema ini

menunjukkan bagaimana masyarakat Sarawak membingkai makna autonomi, keadilan, maklumat dan tadbir urus dalam konteks hubungan kerajaan pusat dan kerajaan negeri.

### *Tema 1: Perspektif Ketidakadilan (Perceived Injustice)*

Tema ini merangkumi pandangan masyarakat Sarawak yang merasakan kewujudan ketidakseimbangan struktur dalam hubungan kerajaan pusat dan kerajaan negeri. Pandangan ini muncul daripada pengalaman sejarah, isu pengagihan hasil negeri serta pembangunan yang tidak setara.

#### a. Ketidakadilan Sumber Asli

Subkod ini merujuk kepada perspektif bahawa hasil minyak dan gas Sarawak yang menyumbang kepada pendapatan negara tidak dikembalikan secara saksama kepada negeri. Informan menyatakan bahawa walaupun Sarawak merupakan pengeluar petroleum utama, pulangan yang diterima jauh lebih rendah berbanding sumbangan.

*“Hasil minyak kita banyak, tapi yang pegang semua di pusat. Sarawak hanya dapat sedikit.”*

(INF01,45)

#### b. Ketidakseimbangan Kuasa

Subkod ini menggambarkan pandangan bahawa kerajaan pusat masih memegang kuasa dominan dalam aspek pentadbiran, pendidikan, pembangunan dan pengurusan sumber asli, sedangkan banyak perkara berada dalam ruang autonomi Sarawak berdasarkan MA63. Masyarakat melihat keadaan ini sebagai kegagalan melaksanakan prinsip federalisme yang sepatutnya memberi kuasa lebih besar kepada negeri.

*“Banyak kuasa masih di tangan kerajaan pusat. Janji autonomi MA63 macam tak dilaksanakan.”*

(INF08, 28)

#### c. Pembangunan Tidak Setara

Subkod ini merangkumi aduan mengenai jurang pembangunan antara bandar dan pedalaman. Informan menyatakan bahawa banyak kawasan pedalaman masih mengalami kekurangan infrastruktur asas seperti jalan raya, internet, bekalan air dan kemudahan sekolah.

*“Di bandar memang ok, tapi kampung-kampung masih ketinggalan jauh.”*

(INF011,33)

Tema ini mencerminkan prinsip sosiologi politik di mana ketidakadilan dalam pengagihan kuasa dan sumber menimbulkan ketegangan politik dan membentuk tuntutan masyarakat terhadap autonomi negeri (Parsons, 1951).

### *Tema 2: Jurang Maklumat (Information Gap)*

Tema ini merujuk kepada perbezaan besar dalam akses maklumat antara kelompok masyarakat berbeza yang mempengaruhi kefahaman mereka terhadap MA63.

#### a. Kurang Akses Maklumat

Kod ini merangkumi situasi di kawasan luar bandar dan pedalaman di mana maklumat mengenai MA63 sukar diperoleh. Kekangan seperti liputan internet yang lemah, jarak geografi dan kekurangan program pendidikan sivik menyebabkan masyarakat tidak mengetahui hak-hak mereka secara jelas.

*“Di kampung, jarang ada orang bercakap pasal MA63. Kita cuma dengar cerita dari radio atau TV, kadang-kadang tidak jelas.”*

(INF012, 25)

### b. Pendedahan Media Rendah

Subkod ini mencerminkan keadaan di mana masyarakat khususnya di kawasan pedalaman kurang terdedah kepada media arus perdana dan media digital. Ini menyukarkan penyebaran maklumat berkaitan dasar dan perubahan berkaitan pelaksanaan MA63 sekali gus menjejaskan kefahaman politik masyarakat.

#### *Pendidikan rendah*

Subkod ini menunjukkan bagaimana tahap pendidikan berperanan dalam mempengaruhi pemahaman individu terhadap perjanjian ini. Informan dengan pendidikan rendah atau tiada pendidikan formal kurang memahami hak autonomi Sarawak dan jarang terlibat dalam perbincangan tentang MA63.

*“Orang sini tak tahu apa itu MA63 sebab tak ada tempat belajar hal-hal begitu”.*

(INF04, 29)

Jurang ini selari dengan konsep *knowledge gap* dalam komunikasi politik di mana akses kepada pendidikan dan maklumat menentukan tahap kesedaran politik individu (Tichenor, Donohue, & Olien, 1970).

### *Tema 3: Cabaran Tadbir Urus (Governance Challenges)*

Ketegangan antara kerajaan pusat dan negeri muncul sebagai faktor utama yang menyukarkan pelaksanaan hak autonomi. Beberapa informan menekankan kelewatan penyerahan kuasa dan ketidaktelusan dalam pengurusan dasar sebagai punca kekecewaan.

#### a. Kelewatan Penyerahan Kuasa

Kod ini merujuk kepada keluhan mengenai kelewatan proses penyerahan kuasa atau devolusi kuasa yang telah dijanjikan dalam MA63. Informan melihat kelewatan ini sebagai bukti kelemahan komitmen politik kerajaan pusat terhadap pemulihan hak Sarawak.

*“Kita dengar pusat nak serah kuasa tapi prosesnya terlalu lambat. Sampai bila pun tak selesai.”*

(INF09, 42)

#### b. Birokrasi Pusat

Subkod ini menggambarkan perspektif bahawa proses pentadbiran yang terlalu bergantung kepada kelulusan kerajaan pusat menyukarkan pelaksanaan autonomi. Prosedur yang panjang, tidak jelas dan berlapis dianggap sebagai halangan kepada kecekapan tadbir urus negeri.

#### c. Ketidakjelasan dasar

Subkod ini timbul daripada kekeliruan masyarakat mengenai status terkini pelaksanaan MA63. Kekurangan maklumat rasmi dan penyampaian dasar yang tidak konsisten menyebabkan rakyat sukar memahami hak sebenar Sarawak serta perkembangan terkini rundingan kerajaan pusat dan kerajaan negeri.

*“Cakap pasal MA63 selalu ada dalam berita, tapi rakyat tak diberi maklumat jelas apa yang dah dilaksana.”*

(INF07,60)

Situasi ini dapat dianalisis melalui teori sistem sosial yang menekankan interaksi dan ketegangan antara subsistem (kerajaan pusat–negeri–masyarakat) dalam mengekalkan kestabilan sosial-politik (Parsons, 1951).

### *Tema 4: Aspirasi Autonomi (Autonomy Aspirations)*

Walaupun terdapat cabaran, masyarakat Sarawak menekankan keperluan pengiktirafan hak autonomi yang lebih jelas dan pelaksanaan MA63 secara menyeluruh. Aspirasi ini bukan sahaja berkaitan dengan ekonomi tetapi juga melibatkan pendidikan, pengurusan sumber asli dan pembangunan sosial yang adil.

### a. Keinginan Penguatkuasaan MA63

Kod ini merujuk kepada tuntutan masyarakat Sarawak agar hak autonomi yang termaktub dalam MA63 dilaksanakan sepenuhnya tanpa kelewatan. Informan menyatakan bahawa perjanjian ini harus diterjemahkan kepada dasar, undang-undang dan tindakan pentadbiran yang jelas dan praktikal.

### b. Identiti Sarawak

Subkod ini mencerminkan pandangan masyarakat yang mengaitkan MA63 dengan identiti kenegaraan Sarawak. Bagi informan, MA63 bukan sahaja dokumen perundangan tetapi juga simbol sejarah, maruah dan kedudukan Sarawak sebagai rakan kongsi pembentukan Malaysia.

*“MA63 ini bukan sekadar dokumen, tapi identiti kita sebagai orang Sarawak.”*

(INF06,33)

### c. Harapan pembangunan adil

Subkod ini menunjukkan aspirasi masyarakat agar pelaksanaan autonomi membawa kepada pembangunan ekonomi dan sosial yang lebih seimbang. Informan berharap autonomi dapat mempercepatkan pembangunan infrastruktur, pendidikan, kesihatan dan peluang pekerjaan di Sarawak khususnya di kawasan pedalaman.

*“Kami mahu autonomi sebab mahu Sarawak maju sama seperti negeri lain.”*

(INF05, 41)

Tema ini menunjukkan masyarakat tidak hanya memahami MA63 sebagai dokumen undang-undang tetapi juga sebagai kontrak sosial di mana pengalaman harian membentuk tuntutan politik mereka (Rousseau, 1762; Tang Abdullah & Haji Mulia, 2018).

## Perbincangan

Dapatan kajian yang menunjukkan perspektif ketidakadilan dalam pengagihan kuasa dan sumber boleh ditafsir melalui hubungan antara kuasa institusi dan legitimasi politik. Dalam sosiologi politik, legitimasi bukan hanya bergantung kepada peruntukan perundangan tetapi kepada sejauh mana pelaksanaan institusi dianggap adil dan responsif oleh masyarakat (Beetham, 2013). Kajian terkini mengenai federalisme menunjukkan bahawa pemusatan kuasa yang berterusan berpotensi melemahkan legitimasi kerajaan pusat, khususnya apabila wilayah yang dijanjikan autonomi melihat ketidaksepadanan antara janji institusi dan realiti pelaksanaan (Keating, 2021). Dalam konteks Malaysia Timur, analisis yang dilakukan oleh Puyok (2024) menunjukkan bahawa tuntutan autonomi di Sarawak semakin dipacu oleh perspektif kegagalan institusi memenuhi jangkauan autonomi yang dirundingkan di bawah MA63.

Dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian tersebut, namun berbeza daripada tafsiran awal yang melihat isu MA63 sebagai tuntutan politik semata-mata. Sebaliknya, kajian ini menunjukkan bahawa persoalan legitimasi turut terbentuk melalui pengalaman sosial harian masyarakat menandakan peluasan tuntutan daripada ruang elit kepada ruang sosial yang lebih luas.

### *Jurang Maklumat dan Pembentukan Kesedaran Politik*

Variasi tahap kefahaman masyarakat terhadap MA63 dapat ditafsir melalui kerangka *knowledge gap* yang menegaskan bahawa peningkatan aliran maklumat tidak menghasilkan kesedaran politik yang seragam, sebaliknya memperluas jurang antara kumpulan sosial yang mempunyai akses pendidikan dan maklumat dengan mereka yang terpinggir. (Tichenor et al., 1970).

Dalam konteks kontemporari, kajian pembangunan dan komunikasi politik menunjukkan bahawa jurang pendidikan, kemiskinan digital dan ketidaksepadanan wilayah terus mempengaruhi tahap literasi politik, khususnya di kawasan luar bandar dan pedalaman (UNDP, 2022; World Bank, 2021). Dapatan kajian ini selari

dengan kajian-kajian tersebut apabila variasi kesedaran terhadap MA63 didapati berkait rapat dengan struktur peluang maklumat dan bukannya sikap politik individu semata-mata.

Namun, kajian ini turut menyumbang kepada perbincangan semasa dengan menunjukkan bahawa peranan media digital dalam membentuk kesedaran autonomi adalah bersifat terhad dan tidak sekata. Walaupun kajian terkini mencadangkan media sosial membuka ruang wacana politik yang lebih luas (Weiss, 2023), dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tanpa sokongan pendidikan sivik dan infrastruktur maklumat yang setara, media digital berisiko mengulang semula jurang kesedaran sedia ada. Oleh itu, tuntutan autonomi yang muncul dalam kalangan masyarakat Sarawak perlu difahami sebagai hasil interaksi antara struktur maklumat dan pengalaman sosial dan bukan sekadar sebagai kesan langsung peningkatan komunikasi digital.

#### *Responsiviti Institusi dan Cabaran Tadbir Urus Persekutuan*

Isu kelewatan penyerahan kuasa dan ketidakjelasan dasar boleh dianalisis melalui kerangka responsiviti sistem politik yang menekankan keupayaan institusi memproses tuntutan masyarakat dan menghasilkan output dasar yang mengekalkan kestabilan serta legitimasi sistem. Kajian kontemporari mengenai tadbir urus pelbagai peringkat menunjukkan bahawa kegagalan pelaksanaan devolusi kuasa secara konsisten boleh menghasilkan ketegangan struktur antara kerajaan pusat dan wilayah khususnya apabila autonomi yang dijanjikan tidak diterjemahkan secara substantif dalam amalan pentadbiran dan institusi (Hooghe et al., 2016; Puyok, 2024). Analisis dasar mengenai MA63 turut menunjukkan bahawa kelewatan dan ketidakselarasan pelaksanaan memperkukuh naratif marginalisasi di Sarawak (Rais Hussin & Loh, 2019; Puyok, 2024).

Kajian ini mengukuhkan dapatan tersebut dengan menunjukkan bahawa ketidakresponsifan institusi bukan sahaja melemahkan kecekapan pentadbiran tetapi turut menjejaskan kepercayaan masyarakat terhadap keseluruhan sistem persekutuan. Dalam konteks ini, MA63 menjadi medan simbolik di mana kegagalan responsiviti institusi ditafsir sebagai penolakan terhadap tuntutan keadilan wilayah sekali gus meningkatkan tekanan politik dari bawah.

#### *Identiti Politik Wilayah dan Aspirasi Autonomi*

Aspirasi autonomi yang dizahirkan masyarakat Sarawak mencerminkan pembentukan identiti politik wilayah, di mana MA63 berfungsi sebagai simbol pengiktirafan sejarah, maruah kolektif dan kedudukan Sarawak sebagai rakan pembentukan Persekutuan Malaysia. Kajian terkini menegaskan bahawa autonomi semakin ditafsir sebagai isu pengiktirafan identiti dan keadilan simbolik bukan sekadar isu ekonomi atau pentadbiran (Keating, 2021).

Analisis mengenai Sarawak menunjukkan bahawa tuntutan autonomi semakin bersifat merentas etnik dan berakar dalam pengalaman pembangunan yang tidak seimbang (Puyok, 2024). Dapatan kajian ini turut memperluaskan pemahaman dengan menunjukkan bahawa MA63 berfungsi sebagai kerangka integratif yang menyatukan pelbagai kumpulan etnik di Sarawak dalam tuntutan keadilan sosial dan pengagihan kuasa yang lebih saksama.

Dalam masyarakat majmuk, pengiktirafan identiti wilayah dan penyertaan bermakna dalam proses pembuatan dasar merupakan prasyarat penting bagi kestabilan politik jangka panjang. Dalam konteks ini, kegagalan merealisasikan autonomi bukan sahaja berimplikasi terhadap tadbir urus tetapi juga terhadap integrasi nasional dan keutuhan persekutuan itu sendiri.

Secara keseluruhan, pelaksanaan autonomi yang lebih konsisten, telus dan responsif bukan sahaja penting untuk memenuhi tuntutan perundangan MA63 tetapi juga bagi memulihkan legitimasi institusi, mengurangkan ketegangan kerajaan persekutuan–negeri dan memperkukuh integrasi nasional dalam jangka panjang.

#### *Implikasi Dasar: Pengukuhan Pendidikan Sivik dan Literasi Sosiopolitik*

Dapatan kajian menunjukkan bahawa jurang kefahaman masyarakat terhadap MA63 berkait rapat dengan tahap pendidikan dan peluang pembelajaran politik yang tidak seimbang. Sehubungan itu, pengukuhan pendidikan sivik perlu dijadikan sebahagian daripada agenda dasar yang lebih sistematik dan berterusan. Literatur sosiologi politik dan pendidikan menunjukkan bahawa pendidikan sivik yang berkesan berperanan

penting dalam membentuk kesedaran politik, kefahaman institusi dan keupayaan warga untuk menilai tuntutan autonomi secara kritikal terutamanya dalam masyarakat berbilang etnik dan berwilayah luas (Dalton, 2016; Hoskins & Janmaat, 2019).

Dalam konteks Sarawak, pendekatan pendidikan sivik yang bersifat kontekstual dan berasaskan komuniti adalah penting bagi memastikan pemahaman terhadap MA63 tidak hanya tertumpu dalam kalangan masyarakat bandar atau golongan berpendidikan tinggi. Tanpa intervensi pendidikan yang menyeluruh, ketidakseimbangan struktur sedia ada berpotensi mengukuhkan jurang kesedaran autonomi antara kawasan bandar dan luar bandar, sekali gus menjejaskan penyertaan politik yang inklusif.

#### *Implikasi kepada Komunikasi Kerajaan Persekutuan–Kerajaan Negeri*

Kajian ini turut menonjolkan bahawa kelemahan komunikasi institusi dan ketidakjelasan penyampaian dasar menyumbang kepada kekeliruan serta ketidakpercayaan masyarakat terhadap pelaksanaan MA63. Kajian tadbir urus kontemporari menegaskan bahawa komunikasi dasar yang tidak telus dan tidak konsisten boleh melemahkan kepercayaan awam serta menjejaskan legitimasi institusi politik, terutamanya dalam sistem persekutuan berbilang peringkat (Bouckaert & Van de Walle, 2020).

Dalam konteks federalisme, kegagalan menjelaskan skop kuasa, had autonomi dan kemajuan pelaksanaan dasar berpotensi memperkukuh perspektif pemusatan kuasa dan marginalisasi wilayah (Burgess, 2020). Oleh itu, komunikasi antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri Sarawak perlu diperkukuh melalui mekanisme yang lebih berstruktur, mudah difahami dan berorientasikan rakyat termasuk pelaporan kemajuan pelaksanaan MA63 yang bersifat awam dan boleh diakses.

#### *Implikasi kepada Strategi Media dan Penyampaian Maklumat di Luar Bandar*

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kebergantungan kepada media digital semata-mata tidak mencukupi untuk menyampaikan maklumat berkaitan MA63 secara inklusif dalam konteks luar bandar dan pedalaman Sarawak. Literatur komunikasi pembangunan menegaskan bahawa keberkesanan penyampaian maklumat sangat bergantung kepada kesesuaian medium dengan realiti sosial, budaya dan infrastruktur setempat (Servaes, 2018; Manyozo, 2017).

Sehubungan itu, strategi komunikasi berkaitan MA63 perlu disesuaikan dengan konteks tempatan melalui penggunaan media tradisional seperti radio komuniti, dialog awam bergerak serta penglibatan pemimpin tempatan dan institusi komuniti. Pendekatan ini bukan sahaja berupaya meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap MA63, malah dapat memperkukuh rasa pemilikan dan penglibatan masyarakat dalam proses politik yang berkaitan dengan autonomi negeri.

#### *Implikasi terhadap Tadbir Urus dan Hubungan Kerajaan Persekutuan–Negeri*

Secara lebih luas, implikasi kajian ini menegaskan bahawa pelaksanaan MA63 memerlukan reformasi tadbir urus yang menekankan prinsip keadilan wilayah, perkongsian kuasa yang bermakna dan responsiviti institusi. Kajian perbandingan mengenai autonomi wilayah menunjukkan bahawa ketidakseimbangan kuasa antara kerajaan Persekutuan–negeri berpotensi mencetuskan ketegangan politik berpanjangan sekiranya tidak ditangani melalui mekanisme institusi yang jelas dan konsisten (Hooghe et al., 2016).

Dalam konteks ini, autonomi di bawah MA63 perlu diterjemahkan bukan sahaja melalui pindaan perundangan tetapi melalui amalan pentadbiran dan pembuatan dasar yang selari dengan semangat federalisme. Tanpa perubahan institusi yang substantif, MA63 berisiko terus berfungsi sebagai simbol politik semata-mata, sekali gus menjejaskan legitimasi hubungan kerajaan persekutuan–negeri dan integrasi nasional dalam jangka panjang.

### **Kesimpulan**

Berdasarkan dapatan kajian, dapat dirumuskan bahawa perspektif masyarakat Sarawak terhadap Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) dibentuk oleh interaksi kompleks antara faktor struktural dan sosio-politik termasuk jurang akses maklumat, ketidakseimbangan pengagihan sumber asli serta kelemahan berterusan dalam

pelaksanaan hak autonomi negeri. Faktor-faktor ini tidak wujud secara terpisah sebaliknya saling mengukuhkan antara satu sama lain dalam membentuk perspektif ketidakadilan institusi yang berpanjangan. Perspektif tersebut seterusnya mempengaruhi hubungan kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri serta mencorakkan tuntutan masyarakat terhadap pelaksanaan autonomi yang lebih substantif dan bermakna.

Kajian ini turut menonjolkan perbezaan yang signifikan antara masyarakat bandar dan luar bandar dalam menilai dan memahami MA63. Masyarakat bandar khususnya golongan berpendidikan dan terdedah kepada wacana awam, menunjukkan tahap kesedaran politik yang lebih tinggi serta kecenderungan untuk menuntut pelaksanaan hak autonomi secara lebih kritikal dan sistematik. Sebaliknya, komuniti luar bandar dan etnik minoriti masih berhadapan kekangan struktur, termasuk keterbatasan akses kepada pendidikan, infrastruktur maklumat dan pendidikan sivik yang menghadkan keupayaan mereka untuk terlibat secara bermakna dalam perbincangan berkaitan MA63. Perbezaan ini menegaskan bahawa pelbagai perspektif masyarakat terhadap autonomi negeri bukan semata-mata didorong oleh sikap politik individu tetapi berakar dalam ketidaksamaan pembangunan dan peluang pembelajaran politik yang lebih luas.

Sehubungan itu, dapatan kajian ini menggariskan keperluan untuk memperkukuh pendidikan awam dan literasi sosiopolitik dapat meningkatkan penyampaian maklumat rasmi yang jelas, konsisten dan mudah diakses berkaitan MA63 serta dapat memperluaskan ruang dialog yang inklusif antara kerajaan persekutuan, kerajaan negeri dan masyarakat. Pendekatan yang bersifat menyeluruh dan berlapis ini penting bagi merapatkan jurang pemahaman dalam kalangan masyarakat sekali gus menyumbang kepada pembinaan hubungan persekutuan–negeri yang lebih adil, stabil dan responsif terhadap keperluan setempat.

Akhirnya, kajian ini menegaskan bahawa pelaksanaan hak autonomi di bawah MA63 tidak boleh bergantung kepada komitmen politik atau pembaharuan perundangan semata-mata. Realisasi autonomi yang sebenar memerlukan penglibatan aktif masyarakat melalui pemerksaan pendidikan sivik, peluasan akses maklumat dan pengukuhan keupayaan masyarakat untuk mentafsir serta menilai dasar awam secara kritikal. Usaha-usaha ini perlu dijadikan asas kepada proses pembaharuan institusi dan transformasi politik yang berterusan di Sarawak agar hak autonomi yang dijanjikan dalam MA63 dapat direalisasikan secara mampan, inklusif dan berorientasikan kesejahteraan jangka panjang masyarakat Sarawak.

**Penghargaan:** Penulis merakamkan penghargaan kepada semua informan yang terlibat dalam kajian ini atas kerjasama dan kesediaan mereka berkongsi pandangan serta pengalaman sepanjang proses pengumpulan data dijalankan. Penghargaan turut diberikan kepada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia atas sokongan dalam pelaksanaan kajian ini.

**Kenyataan Persetujuan Termaklum:** Persetujuan termaklum telah diperoleh daripada semua informan sebelum sesi temu bual dijalankan. Informan telah dimaklumkan mengenai tujuan kajian, kerahsiaan maklumat dan hak mereka untuk menarik diri daripada kajian pada bila-bila masa tanpa sebarang implikasi.

## Rujukan

- Azima, A. M., Jamaluddin, F., Ramli, Z., Saad, S., & Lyndon, N. (2024). Communal grant and land allocation effect on native land disputation in Malaysia. *Land Use Policy*, 147, Article 107337. <https://doi.org/10.1016/j.landusepol.2024.107337>
- Bouckaert, G., & Van de Walle, S. (2020). Public trust in government: Measurement and determinants. *Public Performance & Management Review*, 43(5), 1011–1033.
- Braun, V., & Clarke, V. (2021). *Thematic analysis: A practical guide*. SAGE Publications.
- Burgess, M. (2020). *Comparative federalism: Theory and practice* (2nd ed.). Routledge.
- Chin, J. (2019). Federalism and the Malaysia Agreement 1963: Autonomy, identity and political contestation in Sarawak. *Journal of Current Southeast Asian Affairs*, 38(3), 329–347.
- Chin, J. (2020). The 1963 Malaysia Agreement (MA63): Sabah and Sarawak and the politics of historical grievances. In *Minorities matter* (pp. 74–90). Cambridge University Press.

- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Dalton, R. J. (2016). *Citizenship norms and political participation in America: The good news is... the bad news is wrong*. Oxford University Press.
- Denzin, N. K., & Lincoln, Y. S. (2018). *The SAGE handbook of qualitative research* (4th ed.). SAGE Publications.
- Dimbab, E., & Puyok, A. (2018). Sarawak politics and federal–state relations. *Borneo Research Journal*, 12, 1–18.
- Guest, G., Namey, E., & Saldaña, J. (2012). Collecting and analyzing qualitative data. In *Applied thematic analysis* (pp. 3–20). SAGE Publications.
- Hooghe, L., Marks, G., Schakel, A. H., Osterkat, S. C., Niedzwiecki, S., & Shair-Rosenfield, S. (2016). *Measuring regional authority: A postfunctionalist theory of governance* (Vol. 1). Oxford University Press. <https://doi.org/10.1093/acprof:oso/9780198728870.001.0001>
- Hoskins, B., & Janmaat, J. G. (2019). Education, democracy and inequality: Political engagement and citizenship education. *Comparative Education Review*, 63(3), 391–413. <https://doi.org/10.1086/703738>
- Keating, M. (2001). *Plurinational democracy: Stateless nations in a post-sovereignty era*. Oxford University Press. <https://doi.org/10.1093/0199240760.001.0001>
- Koh, J. (2023). Malaysia’s forest pledges and the Bornean state of Sarawak: A policy perspective. *Sustainability*, 15(2), 1385. <https://doi.org/10.3390/su15021385>
- Lijphart, A. (1977). *Democracy in plural societies: A comparative exploration*. Yale University Press.
- Manyozo, L. (2017). *Media, communication and development: Three approaches* (2nd ed.). SAGE Publications.
- Nor Hafizah, N., Isyaku, H., Fazil, M. A., & Nor Azlili, H. (2021). Social media, youths and political participation in Malaysia: A review of kajian. *SSRN*. <https://doi.org/10.2139/ssrn.3849948>
- Noy, C. (2008). Sampling knowledge: The hermeneutics of snowball sampling in qualitative research. *International Journal of Social Research Methodology*, 11(4), 327–344. <https://doi.org/10.1080/13645570701401305>
- Nowell, L. S., Norris, J. M., White, D. E., & Moules, N. J. (2017). Thematic analysis: Striving to meet the trustworthiness criteria. *International Journal of Qualitative Methods*, 16(1), 1–13. <https://doi.org/10.1177/1609406917733847>
- Parsons, T. (1951). *The social system*. Free Press.
- Patton, M. Q. (2015). *Qualitative research & evaluation methods* (4th ed.). SAGE Publications.
- Puyok, A. (2024). *Autonomy in Sarawak and Sabah: Different paths and diverging outcomes* (TRS28/24). ISEAS–Yusof Ishak Institute. [https://www.iseas.edu.sg/wp-content/uploads/2024/11/TRS28\\_24.pdf](https://www.iseas.edu.sg/wp-content/uploads/2024/11/TRS28_24.pdf)
- Puyok, A., & Dimbab, E. (2017). Autonomy, development and federalism in Sarawak. *Borneo Research Journal*, 11, 45–63.
- Rais Hussin, M., & Loh, F. K. W. (2019). *Restoring Sabah and Sarawak’s rights under MA63*. Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS).
- Servaes, J. (2018). Communication for development and social change. *Peace Review*, 30(2), 224–231. <https://doi.org/10.1080/10402659.2018.1455247>
- Tang Abdullah, A. R., & Haji Mulia, P. A. (2018). Isu Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) dan hak autonomi Sabah dan Sarawak dalam konteks sejarah dan PRU-14. *Jurnal Kinabalu (Edisi Khas PRU14)*, 291–317. <https://eprints.ums.edu.my/33887/>
- Tichenor, P. J., Donohue, G. A., & Olien, C. N. (1970). Mass media flow and differential growth in knowledge. *Public Opinion Quarterly*, 34(2), 159–170. <https://doi.org/10.1086/267786>
- Tracy, S. J. (2020). *Qualitative research methods: Collecting evidence, crafting analysis, communicating impact* (2nd ed.). Wiley-Blackwell.
- United Nations Development Programme. (2022). *Malaysia human development report 2022*. UNDP Malaysia. <https://www.undp.org/malaysia/publications/malaysia-human-development-report-2022>

---

World Bank. (2021). *Aiming high: Navigating the next stage of Malaysia's development*. World Bank Group. <https://documents1.worldbank.org/curated/en/837251612287781933/pdf/Aiming-High-Navigating-the-Next-Stage-of-Malaysia-s-Development.pdf>